

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Shamsul Anuar bin Haji  
Nasarah  
[ Lenggong ]**

**TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 44**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang meletakkan Majlis Amanah Rakyat MARA di bawah Jabatan Perdana Menteri ; dan
- (b) bilakah Kolej Pengajian Tinggi MARA Lenggong akan beroperasi dan apakah yang dilakukan sekarang bagi mempercepatkan operasinya serta nyatakan secara terperinci kursus yang ditawarkan di institusi berkenaan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

### **Jawapan (a)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk meletakkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Jabatan Perdana Menteri. MARA masih lagi di bawah seliaan dan naungan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

### **Jawapan (b)**

Dimaklumkan bahawa pembinaan Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong (KKTM Lenggong) telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada pihak Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA pada 27 Mei 2014. Kolej ini juga telah menerima sijil CCC (*Certificate of Completion and Compliance*) pada 13 Januari 2014 dari Majlis Daerah Lenggong. Pengambilan pertama pelajar dijangka akan dibuat pada bulan Januari 2015.

Buat masa ini, pihak MARA sedang dalam proses perolehan peralatan dan kelengkapan. Pembekalan pertama dijangka akan tiba pada bulan Julai 2014.

Program-program yang akan dijalankan di KKTM Lenggong adalah seperti berikut :

- i. Diploma in Herbal and Natural Products (Industrial)*

- ii. *Diploma in Herbal and Natural Products (Healthcare)*
- iii. *Diploma in Herbal and Natural Products (Plant Maintenance)*
- iv. *Diploma in Engineering Technology (Food)*
- v. *Diploma in Packaging Design and Technology*